



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	20/6/2019	MUKA SURAT	:	10
JABATAN	:	JPSM			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

Minda Pengarang

Mesti patuh garis panduan pembalakan

Garis panduan bagi menangani kegiatan pembalakan dan pengeluaran hasil hutan tidak terkawal yang bakal dikeluarkan tidak lama lagi adalah langkah tepat dalam usaha menangani kegiatan itu, yang memberi kesan terhadap alam sekitar serta masalah kepada kehidupan habitat dan sosioekonomi penduduk setempat.

Untuk menjayakan usaha itu, komitmen serta sokongan padu kerajaan negeri mesti ada kerana urusan hal tanah adalah dibawah bidang kuasa kerajaan negeri. Kerajaan negeri perlu patuh kepada garis panduan itu untuk kepentingan bersama.

Jika tidak, hutan yang menjadi habitat kehidupan liar seperti gajah, tidak ada sempadan. Malah kerakusan membalak di satu negeri akan juga memberi kesan kepada negeri jiran. Kita tidak mahu melihat penerokaan hutan tidak terkawal, yang mengecilkan kawasan rayau gajah seperti berlaku di Johor.

Kerajaan negeri perlu memikirkan kesan jangka panjang dan perlu mengawal kesan sampingan akibat hutan digondol.